

SOALAN NO : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : 5 APRIL 2017

SOALAN :

YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan Nyamuk Genetik sebagai agen mengawal nyamuk Aedes dan apakah rasional penggunaan nyamuk tersebut serta implikasi kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat dan tidak mempunyai rancangan untuk menggunakan Nyamuk Genetik sebagai agen mengawal nyamuk Aedes. Walau bagaimanapun terdapat negara-negara seperti Cayman Island dan Brazil yang telah melepaskan Nyamuk Aedes Genetik untuk mengawal nyamuk aedes. Sehingga kini, tiada implikasi negatif terhadap alam sekitar dilaporkan daripada negara-negara tersebut.

SOALAN (45)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 5 APRIL 2017 [RABU]

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

SOALAN :

YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pekerja mengikut pecahan umur, negeri, industri, status perkahwinan, kategori pekerjaan, pendidikan, kurungan gaji. Nyatakan kadar penyertaan buruh lelaki, wanita, belia dan juga kadar pengangguran bagi ketiga-tiga kategori tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada separuh tahun pertama 2016, penduduk bekerja di Malaysia adalah 14,115,400 orang. Penduduk bekerja separuh tahun pertama 2016 mengikut kumpulan umur: 15-24 tahun 2,339,100 orang, 25-34 tahun 4,834,200 orang, 35-44 tahun 3,313,300 orang, 45-54 tahun 2,496,700 orang dan 55-64 tahun 1,132,000 orang.

Penduduk bekerja separuh tahun pertama 2016 mengikut pencapaian pendidikan pula adalah: tiada pendidikan rasmi 417,500 orang, rendah 2,061,100 orang, menengah 7,777,300 orang dan tertiar 3,859,700 orang.

Kadar penyertaan tenaga buruh separuh tahun pertama 2016 bagi Malaysia ialah 67.5 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki 80.0 peratus dan perempuan 54.1 peratus. Kadar penyertaan tenaga buruh belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 42.9 peratus.

Kadar pengangguran separuh tahun pertama 2016 bagi Malaysia ialah 3.4 peratus. Kadar pengangguran lelaki 3.1 peratus dan perempuan 4.0 peratus. Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 10.3 peratus.

Sekian, terima kasih

5 April 2017

SOALAN NO:46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 05 APRIL 2017

SOALAN :

YB Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kriteria yang dinilai oleh pihak Kementerian dalam menetapkan golongan yang layak menerima subsidi ketika rakyat menerima rawatan di pusat pergigian Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang sedia maklum, kos sebenar rawatan pergigian yang merangkumi kos bahan, kos peralatan, kos perkhidmatan sokongan serta emolumen telah semakin meningkat. Banyak prosedur pergigian biasa di klinik primer dan prosedur baharu serta kompleks di bawah bidang kepakaran yang tidak disenaraikan sebelum ini telah dibekalkan secara percuma di mana kos sebenarnya menelan belanja yang tinggi kerana

kebanyakannya memerlukan peralatan atau bahan pergigian yang canggih dan diimport.

Justeru, pengemaskinian prosedur dan caj rawatan pergigian merupakan salah satu daripada beberapa bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 yang telah dikaji semula. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 2016.

Caj bagi rawatan pergigian (Jadual F) dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah menunjukkan kos rawatan asas semasa (bersubsidi) bagi rawatan pergigian di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Semakan caj pergigian ini adalah hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1** dan **Kelas 2** manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** (pesakit dalam) adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberikan subsidi yang tinggi bagi rakyat termasuk rawatan pesakit luar. Justeru caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar adalah kekal** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga adalah dikekalkan seperti sedia ada

mengikut tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.